

**KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM SELANGOR**

LSC 358

**TAJUK PENYELIDIKAN
KAJIAN TERHADAP TAHAP PENGGUNAAN
PERKHIDMATAN TELITA SEBAGAI
SATU SUMBER MAKLUMAT DI SEKITAR
LEMBAH KELANG**

**PENYELIDIK
AMINUDDIN OMAR
(91326059)**

**MOHAMAD ZAMRI BAHAROM
(91279893)**

**ZARINA BT. HASSAN
(91234181)**

**PENSYARAH PENASIHAT
PUAN INDAHSAH HJ. SIDEK**

**PENSYARAH KOORDINATOR
ENCIK WONG TUCK CHEONG**

BIL**MUKASURAT**

1.0	Abstrak penyelidikan.....	1
2.0	Pengenalan.....	2
2.1	Definisi Videotex.....	4
3.0	Apa itu TELITA.....	6
3.1	TELITA di Malaysia.....	7
4.0	Ulasan penulisan.....	9
5.0	Latarbelakang Pemilihan Tajuk.....	18
5.1	Penyataan Masalah.....	20
5.3	Hipotesis Penyelidikan.....	21
5.4	Definisi Istilah Hipotesis.....	22
5.5	Objektif Penyelidikan.....	23
5.6	Skop penyelidikan.....	24
6.0	Rekabentuk Penyelidikan.....	26
6.1	Temubual Berdepan.....	27
6.2	Penggunaan Borang Kajiselidik.....	28
6.3	Pembahagian Borang Kajiselidik....	29
6.4	Persampelan.....	30
7.0	Analisis Data.....	31
7.1	Kaedah Peratusan.....	32
7.2	Kaedah Z-test.....	33
7.3	Kaedah Chi-square.....	34
8.0	Keputusan Pengujian Keatas Hipotesis.....	35

9.0	Penemuan dari Penyelidikan.....	36
10.0	Cadangan hasil dari Penyelidikan.....	37
11.0	Batasan Penyelidikan.....	39
12.0	Cadangan Penyelidikan Masa Depan.....	40
13.0	Kesimpulan.....	41
14.0	Senarai Rujukan.....	42
15.0	Lampiran-lampiran.....	43

1 KAJIAN TERHADAP TAHAP PENGGUNAAN PERKHIDMATAN TELITA SEBAGAI SATU SUMBER MAKLUMAT DI SEKITAR LEMBAH KELANG

1.0 ABSTRAK PENYELIDIKAN

Penggunaan perkhidmatan bercorak videoteks sebagai salah satu sumber maklumat sudah lama diperkenalkan kepada masyarakat Malaysia. Namun begitu, sehingga kini tiada satu ukuran yang dapat menyatakan akan sejauhmana tahap penggunaannya sebagai satu sumber maklumat disini. Melalui penyelidikan yang sedemikian adalah diharapkan kita akan dapat mengetahui dan membuat ukuran tentang tahap penggunaan perkhidmatan yang bercorak videoteks khususnya perkhidmatan TELITA di Malaysia. Pengkajian ini antara lain ditumpukan kepada masalah yang timbul atau dihadapi oleh para pengguna, para penyumbang dan pihak TELEKOM Malaysia sendiri. Penyelidik yakin melalui hasil penyelidikan ini dapat membantu memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan tahap penggunaan perkhidmatan TELITA ini sebagai satu sumber maklumat yang terkini. Skop penyelidikan adalah disekitar kawasan Lembah Kelang sahaja. Manakala, para responden pula adalah terdiri daripada pengguna TELITA sendiri, para penyumbang maklumat kepada perkhidmatan ini dan seterusnya dari pihak TELEKOM Malaysia sendiri. Adalah menjadi harapan penyelidik agar usaha-usaha yang yang murni ini dapat dijadikan sebagai asas yang baik untuk penyelidikan yang seterusnya. Usaha penyelidikan dalam bidang teknologi maklumat khususnya patut diteruskan pada masa yang akan datang.

2.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dinegara-negara membangun telah banyak mewujudkan pembaharuan dalam bidang ekonomi, sosial dan juga politik. Maklumat kini telah dijadikan sebagai satu aset yang amat bernilai bagi sesebuah negara. Teknologi maklumat telah berkembang dengan begitu pesat dan drastik dari masa ke semasa. Teknologi maklumat ini telah mula berkembang dengan begitu meluas didunia ini terutama dinegara-negara maju dan sedang membangun seperti Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom dan sebagainya termasuklah Malaysia. Kini masa depan teknologi maklumat semakin cerah dengan wujudnya teknologi canggih dalam kaedah penyimpanan, pemprosesan dan proses dapatan kembali maklumat.

Kesan teknologi maklumat dikalangan negara-negara sedang membangun seperti Malaysia telah banyak mewujudkan pembaharuan dalam bidang ekonomi, sosial dan politik serta banyak lagi. Maklumat yang tepat dan terkini merupakan salah satu nadi penggerak yang penting bagi pembangunan dan kemakmuran sesebuah negara. Maklumat boleh didapati atau dialirkan dalam pelbagai cara. Antara yang dimaksudkan adalah melalui gelombang atau rangkaian talian komunikasi yang banyak terdapat di kebanyakan negara di dunia termasuklah Malaysia.

Di Malaysia sendiri pelbagai rangkaian maklumat melalui talian telah diperkenalkan oleh Syarikat Telekom Malaysia. Antaranya ialah DATEL, TELITA, TELEMAIL dan banyak lagi.